

Bil. S 68

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2014/2015) (BIL. 5), 2015

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2015) bertarikh 8 haribulan April 2015 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu, sembilan ratus lapan puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu ringgit (\$5,980,785,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2014/2015), 2014 (Akta 1 tahun 2014).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lapan belas juta, empat puluh tujuh ribu, lapan ratus ringgit (\$18,047,800.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 1), 2015 (S 11/2015).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat juta, dua ratus empat puluh ribu ringgit (\$4,240,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 2), 2015 (S 12/2015).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan puluh empat juta, tiga ratus lapan puluh sembilan ribu, dua ratus lima puluh empat ringgit (\$94,389,254.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 3), 2015.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh satu juta, tujuh ratus dua puluh dua ribu, dua ratus tujuh puluh sembilan ringgit (\$21,722,279.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 4), 2015.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua puluh satu juta ringgit (\$21,000,000.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 5), 2015.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2014/2015 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua puluh satu juta ringgit (\$21,000,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2014/2015, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2014/2015), 2014 (Akta 1 tahun 2014), Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 1) (S 11/2015), 2015, Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 2), 2015 (S 12/2015), Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 3), 2015 dan Perintah Perbekalan Tambahan (2014/2015) (Bil. 4), 2015, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$20,000,000.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
SM01A	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$1,000,000.00
		\$21,000,000.00

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 30 haribulan Disember, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM